

**Keriangannya yang Terletak di Hadapan Kristus  
dan Keriangannya yang Terletak di Hadapan Kita**

Bacaan Bible: Ibr. 12:2; Kol. 2:15; Wahi 19:7-9; Neh. 8:10c

**I. Demi keriangannya yang terletak di hadapan-Nya, Yesus, yakni Pengasas dan Penyempurna iktikad kita, “bersabar-tahan terhadap salib, memandang ringannya akan kehinaan itu”—Ibr. 12:2:**

- A. Tuan mengasihi gereja dan menyerahkan diri-Nya untuk gereja—Ef. 5:25.
- B. Di atas salib Tuan mempersembahkan diri-Nya sebagai korban untuk dosa-dosa, menanggung dosa-dosa banyak orang, dijadikan dosa untuk percayawan, mengusir keluar pemerintah dunia ini serta menghakimi dunia ini, dan sebagai biji gandum yang jatuh ke dalam kematian untuk membebaskan hayat divin—Ibr. 9:28; 1 Ptr. 2:24; 2 Kor. 5:21; Yoh. 12:24, 31.
- C. Kolose 2:15 menggambarkan peperangan yang berlangsung pada masa penyaliban Kristus:
  - 1. Dalam penyaliban Kristus, Dia bekerja untuk menyempurnakan penebusan dan Tuhan Bapa juga bekerja untuk menghakimi dosa.
  - 2. Pada masa yang sama, pemerintah dan penguasa juga sibuk dalam cubaan menghalang kerja Tuhan dan Kristus—ay. 15.
  - 3. Pemerintah dan penguasa ialah malaikat jahat, malaikat jatuh; mereka merupakan malaikat bawahan Syaitan yang bekerja untuknya—Ef. 2:2.
  - 4. Ketika Tuhan menghakimi dosa, pemerintah dan penguasa jahat turut hadir di situ dan sangat aktif, mengerumuni Kristus yang tersalib, mengasak dengan amat dekat—Kol. 2:15:
    - a. Jika mereka tidak mengasak, Tuhan tidak dapat melucutkan mereka.
    - b. Perkataan *melucutkan* menunjukkan bahawa pemerintah dan penguasa amat dekat, sebagaimana pakaian kita dekat dengan tubuh badan kita.
  - 5. Dengan melucutkan pemerintah dan penguasa, Tuhan mempamerkan mereka secara terang-terang, memalukan mereka dan menang dengan gemilang atas mereka dalam salib—ay. 15.

**II. Keriangannya yang terletak di hadapan kita ialah Tuan Yesus, yakni Pengantin Lelaki, akan datang mendapatkan pengantin perempuan-Nya yang telah mempersiapkan diri—Wahi 19:7-9:**

- A. Kematangan pengantin perempuan—ay. 7-9; Ef. 4:13-15:
  - 1. Kesediaan pengantin perempuan korporat bergantung pada kematangan hayat para pejayeng—Wahi 19:7; Ibr. 6:1; Flp. 3:12-15; Ef. 4:13.
  - 2. Ditransform bererti diubah secara metabolik dalam hayat alamiah kita, manakala menjadi matang bererti dipenuhi hayat divin yang mengubah kita—Ibr. 6:1.
- B. Pembinaan pengantin perempuan—Mat. 16:18; Ef. 2:21-22; 4:15-16:
  - 1. Pembinaan Tuhan ialah hasrat hati Tuhan dan matlamat penyelamatan Tuhan—1:5; Kel. 25:8; bd. 1:11; 40:2-3, 34-35.
  - 2. Matlamat pemulihan Tuan adalah untuk memulihkan Kristus sebagai hayat dan segala-gala kepada kita supaya kita dapat dibina—Ef. 3:8; 4:16.
  - 3. Pembinaan Tuhan ialah ekspresi korporat Tuhan Tritunggal—1 Tim. 3:15-16; Yoh. 17:22; Ef. 3:19b, 21.
- C. Keadilbenaran pengantin perempuan—Wahi 19:7-9; Mat. 5:20; 22:11-13:
  - 1. Sebagai keadilan subjektif kita, Kristus ialah Dia yang huni dalam kita untuk menjalani kehidupan untuk kita, iaitu kehidupan yang dapat dijustifikasikan Tuhan dan sentiasa diperkenan Tuhan—5:6, 20.

2. Kehidupan yang betul dengan Tuhan dan manusia semestinya ialah Tuhan menjadi ekspresi kita dalam kehidupan harian kita—2 Kor. 3:9; Ef. 4:24; Kol. 3:10.
  3. Kristus yang dihidup keluar daripada pekudus sebagai keadilanbenaran subjektif mereka menjadi pakaian jamuan perkahwinan mereka—Wahi 19:8.
  4. Pakaian jamuan perkahwinan dalam Matius 22:11-13 menandakan Kristus yang kita hidup keluar dan yang diekspresikan menerusi kita dalam kehidupan harian kita sebagai keadilanbenaran kita yang melangkau—5:20; Wahi 3:4-5, 18.
- D. Kecantikan pengantin perempuan—Ef. 5:25-27:
1. Sebagai pengantin perempuan, gereja memerlukan kecantikan; kecantikan dalam Efesus 5 adalah untuk persembahan pengantin perempuan.
  2. Kecantikan pengantin perempuan datang daripada Kristus yang digarapkan ke dalam gereja dan yang kemudiannya diekspresikan menerusi gereja—3:17a:
    - a. Satu-satunya kecantikan kita ialah Kristus bersinar dari dalam kita.
    - b. Apa yang dihargai Kristus dalam kita ialah ekspresi diri-Nya.
- E. Efesus 6 dan Wahi 19 mewahikan bahawa gereja sebagai pengantin perempuan juga harus menjadi pejuang untuk mengalahkan musuh Tuhan:
1. Peperangan rohani ialah perkara Tubuh; kita ialah angkatan tentera korporat yang berperang demi kepentingan Tuhan di bumi—17:14; 19:14; bd. 2 Tim. 2:4.
  2. Dalam Efesus 5, sabda adalah untuk pengkhasiatan bagi mencantikkan pengantin perempuan; akan tetapi, dalam Efesus 6, sabda adalah untuk membunuh bagi membolehkan gereja sebagai pejuang korporat bertempur dalam peperangan rohani—ay. 17-18.
  3. Kristus akan datang sebagai Jeneral pejuang bersama-sama pengantin-Nya sebagai tentera-Nya untuk berjuang menentang Antikristus di Harmagedon—Wahi 19:11-21.
  4. Pakaian jamuan perkahwinan—Kristus dihidup keluar daripada kita sebagai keadilanbenaran harian kita—bukan sahaja melayakkan kita menghadiri jamuan perkahwinan, malah juga melayakkan kita menyertai angkatan tentera untuk berjuang bersama dengan Kristus menentang Antikristus dalam peperangan di Harmagedon—Mat. 22:11-12; Wahi 19:7-8, 14.

### III. “Kegirangan Yehova ialah kekuatanmu”—Neh. 8:10c:

- A. Menurut Nehemia 8:10, kegirangan Tuan kita ialah kekuatan kita:
1. Ini bukan soal kita mempunyai kekuatan, tetapi kegirangan-Nya yang menopang kita—1 Tes. 5:16.
  2. Kegirangan Tuan tidak ada kena-mengena dengan sekitaran; Dia bergirang dalam kehendak Tuhan; terdapat kegirangan dalam mengenali dan melakukan kehendak Tuhan.
  3. Kita tidak harus cuba meniru Tuan tetapi harus menerima kegirangan Tuan:
    - a. Kita dapat memperoleh sesuatu kepunyaan Tuan yang disalurkan kepada kita.
    - b. Kita dapat memperoleh kegirangan Tuan; kegirangan-Nya akan menjadi kekuatan kita.
- B. Pada akhir hayat Watchman Nee, dalam penderitaannya dia berkata, “Aku mengekalkan kegiranganku”—*Watchman Nee—a Seer of the Divine Revelation in the Present Age*, m.s. 182.
- C. *Aku mengekalkan kegiranganku* menunjukkan bahawa dia mengamalkan kata-kata dutus Paulus dalam Filipi 4:4: “Bergiranglah dalam Tuan selalu.”
- D. Atas rahmat dan kurnia Tuhan, semoga kita semua dapat mengekalkan kegirangan kita melalui kegirangan Tuan menjadi kekuatan kita.